

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon kemudahan pinjaman berjangka dengan Bangkok Bank Berhad.

Sila pastikan anda membaca terma am dan syarat-syarat dalam Surat Tawaran. Maklumat yang diberikan di bawah adalah maklumat umum semata-mata. Terma am dan syarat-syarat mungkin berbeza-beza pada setiap kes.

Sila dapatkan penjelasan dari bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat-syarat am.



Bangkok Bank

BANGKOK BANK BERHAD

Untuk Pembankakan Perusahaan Kecil & Sederhana (SME)

Produk: Pinjaman Berjangka

1. Apakah produk ini?

Pinjaman berjangka adalah pinjaman wang yang dibayar semula pembayaran balik yang tetap sepanjang tempoh masa pembayaran yang ditetapkan. Tempoh pinjaman berjangka biasanya di antara 1 tahun ke 5 tahun, tetapi boleh bertahan selama 30 tahun dalam kes-kes tertentu. Pinjaman berjangka biasanya melibatkan kadar faedah yang berubah-ubah dan akan menambah tambahan baki perlu dibayar balik. Ia biasanya digunakan untuk membiayai pembelian aset tetap seperti hartanah atau jentera atau peralatan bagi proses pengeluaran. Ia dikelaskan sebagai produk Pembiayaan jangka panjang kerana tempohnya pada amnya adalah dari 5 tahun hingga 15 tahun. Pinjaman berjangka biasanya diberi berdasarkan cagaran.

Pembayaran faedah dan pembayaran balik jumlah pokok pinjaman-pinjaman berjangka adalah wajib bagi pihak Peminjam. Pembayaran balik secara amnya dijadualkan secara bulanan atau suku tahunan dengan jumlah ansuran yang tetap samaada secara bulanan ataupun secara suku tahunan yang terdiri daripada jumlah pokok dan faedah. Pengiraan kadar faedah adalah berdasarkan kadar boleh ubah dan dikenakan ke atas baki jumlah pokok.

2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

Kadar faedah pinjaman adalah di kalangan 0.5% sehingga 3.0% tahunan penambahan daripada kadar pinjaman asas (BLR).

Margin pembiayaan biasanya 80% daripada Nilai Pasaran Terbuka atau 100% daripada Nilai Jualan Terendah harta tersebut, dengan memilih nilai yang lebih rendah.

3. Apakah bayaran yang perlu saya bayar?

Duti Setem

Berdasarkan Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)

Yuran Pengeluaran

Termasuk yuran pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian kebankrapan.

Bayaran Kemudahan

Tidak berkaitan

4. Apa yang berlaku apabila bayaran penuh atau bayaran pendahuluan separa dibuat?

Secara amnya, bayaran penuh dan bayaran pendahuluan separa biasanya tertakluk kepada notis bertulis selama satu (1) bulan. Sebagai ganti, faedah satu (1) bulan berdasarkan kadar faedah yang ditetapkan akan dikenakan ke atas sebarang jumlah prabayar.

Untuk bayaran pendahuluan separa, jumlah prabayar akan digunakan sebagai jadual pembayaran balik mengikut susunan songsang kematangan. Sebarang jumlah prabayar tidak dapat dikeluarkan semula.

Walaubagaimanapun, pihak bank mempunyai budi bicara mutlak untuk mengenakan yuran bayaran pendahuluan sebanyak 1% atau pada kadar lain yang ditetapkan oleh pihak bank bergantung kepada jumlah prabayar.

5. Apa yang akan terjadi sekiranya saya gagal untuk menyempurnakan obligasi saya?

Jika peminjam gagal membuat sebarang bayaran sama ada dalam pokok atau faedah atau sebarang bayaran kepada pihak bank atau dalam kejadian permintaan untuk memanggil balik kemudahan, peminjam dikehendaki membayar faedah di mana jumlah tersebut denominasi atas sebarang jumlah tertunggak atau sebarang jumlah wang yang kena dibayar kepada bank, dari masa mungkiran sehingga masa bayaran dibuat dengan **menambah 1% ke atas kadar tahunan yang telah ditetapkan**.

Pihak bank juga boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan ini boleh mempunyai kesan yang serius, dan kelalaian peminjam untuk menjelaskan pembayaran pinjaman boleh menjelaskan penarafan kredit anda serta membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda. Di samping itu, pihak bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pemulihan (termasuk melibatkan ejen kutipan hutang pihak ketiga), perampasan dan prosiding kebankrapan.

6. Apakah risiko yang mungkin berlaku?

Kadar boleh ubah adalah berpasikan kepada kadar pinjaman asas (BLR) dan ia akan berubah dari masa ke semasa. Ini akan menyebabkan perubahan dalam tempoh kemudahan atau jumlah faedah yang perlu dibayar oleh anda.

7. Di manakan saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Sekiranya anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran balik pinjaman, anda harus menghubungi pihak kami secepat yang mungkin untuk berbincang tentang

alternatif pembayaran balik pinjaman. Anda boleh berhubung dengan kami di alamat berikut:

Ketua Jabatan Perbankan Perniagaan
Bangkok Bank Berhad
1-45-01 Menara Bangkok Bank,
Laman Sentral Berjaya,
No. 105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2174 6802

- Selain itu, anda juga boleh menghubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia yang menyediakan perkhidmatan percuma ke atas individu dalam pengurusan kewangan, kaunselling kredit dan strukturan hutang. Anda boleh menghubungi AKPK di alamat berikut:

Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-26167766
E-mail: enquiry@akpk.org.my

- Untuk Perusahaan Kecil & Sederhana (SME), “Small Debt Resolution Scheme” (SDRS) adalah untuk membantu SME yang sedang menghadapi masalah pembiayaan kewangan dengan institusi-institusi kewangan. Anda boleh mendapatkan borang permohonan SDRS dari Bangkok Bank atau melayari BNMLINK/BNM pejabat daerah/laman web: www.bnm.gov.my
- Sekiranya anda ingin membuat aduan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi kami di alamat berikut:

Jabatan Pematuhan
Bangkok Bank Berhad
1-45-01 Menara Bangkok Bank,
Laman Sentral Berjaya,
No. 105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2174 6958

- Sekiranya pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK di alamat seperti berikut:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-21741515

E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my

8. Di mana saya boleh memperolehi informasi selanjutnya

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang mengambil Pinjaman Berjangka, sila rujuk kepada maklumat perbankan buku panduan Laman web www.bankinginfo.com.my.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG- UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN KEMUDAHAN ANDA SECARA TETAP

Informasi yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula daripada
Saya / kami mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk ini telah diberi penjelasan kepada pelanggan.

Nama petugas :

Nama pelanggan :

Nombor petugas :

Tarikh :